



MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD

(Incorporated in Malaysia . Registration No. 200001022382 (524989-M))

The Observer

20.10.2023

❖ Adakah dagangan saham pecahan benar-benar mampu milik?

Pada Jun tahun ini, Perdana Menteri Dato' Seri Anwar bin Ibrahim mengumumkan pelbagai inisiatif pasaran modal, termasuk pengupayaan dagangan saham pecahan di Bursa Malaysia. Inisiatif ini bertujuan menjadikan dagangan saham di Bursa Malaysia lebih mudah diakses, mampu milik serta lebih inklusif untuk pelabur runcit, terutamanya pelabur muda.

Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti, Dato' Seri Dr Awang Adek Hussin berkata dengan membenarkan pelabur runcit berdagang dalam saham pecahan, individu, khususnya generasi muda, akan mempunyai lebih kemampuan dan fleksibiliti untuk berdagang dan melabur dalam saham mewah yang lebih mahal, tetapi pada nilai yang lebih kecil daripada nilai lot dagangan standard.

Pada masa sama, PM Anwar turut mengumumkan pengurangan kadar duti setem bagi saham yang didagangkan di Bursa Malaysia, daripada 0.15 peratus kepada 0.1 peratus daripada nilai kontrak, tertakluk kepada had maksimum RM1,000 bagi setiap kontrak. Pengurangan kadar duti setem akan mengurangkan kos urus niaga sekuriti untuk menjadikan pasaran saham Malaysia lebih kompetitif.

Yuran Pembrokeran

Kami mengalu-alukan inisiatif di atas kerana ini menjadikan pelaburan lebih mampu milik serta menggalakkan pelaburan dan perdagangan saham dalam kalangan pelabur runcit, terutamanya pelabur muda. Walau bagaimanapun, yuran pembrokeran ialah kos yang mungkin menghalang perdagangan saham bagi sesetengah pelabur runcit, terutamanya apabila mereka membeli dan menjual saham dalam bilangan yang kecil.

Lazimnya, firma pembrokeran di Malaysia mengenakan yuran pembrokeran minimum antara RM1 dan RM28 untuk setiap transaksi dan jumlah ini berbeza-beza mengikut firma pembrokeran. Kita andaikan yuran pembrokeran minimum bagi setiap transaksi ialah RM8, kos untuk pelabur muda Encik X membeli satu saham Nestle (Malaysia) Berhad ialah:

Nestle (Malaysia) Berhad ("Nestle")

Harga saham ditutup pada 19/10/2023 (sesaham)

Duti setem

RM

127.50

1.00

Yuran pembrokeran	8
Yuran penjelasan (0.03%)	0.04
Kos urus niaga	9.04
Jumlah pelaburan	136.54

Berdasarkan ilustrasi di atas, apabila Encik X membeli satu saham Nestle, beliau akan serta-merta kerugian 7% disebabkan kos transaksi. Jangan lupa, kos transaksi akan tetap dikenakan apabila Encik X menjual satu saham Nestle ini. Secara keseluruhan, Encik X perlu menghasilkan sekurang-kurangnya RM18 dalam keuntungan iaitu kenaikan 14% dalam harga saham Nestle, untuk pulang modal sebelum mendapatkan keuntungan daripadanya.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, inisiatif dagangan saham pecahan adalah idea yang bagus, tetapi caj yuran pembrokeran mungkin menyebabkan inisiatif ini kurang berkesan dari segi kos, melainkan yuran pembrokeran diturunkan atau pelabur meningkatkan jumlah pelaburan mereka. Namun sekali lagi, ini akan menimbulkan kebimbangan tentang kemampuan.

Kos urus niaga sahaja, tanpa mengambil kira risiko yang dikaitkan dengan pelaburan dan dagangan saham, mungkin hanya menjauhkan pelabur muda daripada melibatkan diri dalam urus niaga saham.

Lagipun, objektif utama pelabur adalah untuk mengembangkan kekayaan mereka. Untuk menjayakan dagangan saham pecahan, mungkin boleh dipertimbangkan untuk mengenakan jumlah yuran pembrokeran yang lebih kecil. Kos urus niaga yang rendah mungkin menarik pelabur runcit dan pelabur muda untuk merancakkan lagi pasaran saham, yang membawa kepada jumlah urus niaga yang lebih tinggi.

Elaine Choo

Pengurus, Pemantauan Korporat

Tinjauan Mingguan AGM/ EGM MSWG untuk tempoh 23 hingga 27 Oktober 2023

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
23.10.23 (Isnin) 10.00 pagi	ES Ceramics Technology Bhd (AGM)	Kumpulan mencatatkan pendapatan berjumlah RM271.26 juta bagi tahun kewangan 2023, dengan peningkatan 134.07% berbanding pendapatan pada tahun kewangan 2022. Peningkatan ini disumbangkan oleh

		<p>aliran pendapatan daripada segmen bahan binaannya selepas selesai pengambilalihan Evermix Concrete Sdn Bhd pada 30 Ogos 2022.</p> <p>Untung bersihnya menyusut 53.07% kepada RM22.81 juta, berbanding RM48.61 juta pada tahun kewangan sebelumnya. Segmen peralatan sarung tangan dan bahan binaan masing-masing menghasilkan margin sebelum cukai sebanyak 37.05% dan 3.94%.</p> <p>Prestasi Kumpulan terjejas akibat gangguan terhadap rantaian bekalan, inflasi global dan peningkatan kos pengeluaran.</p>
24.10.23 (Selasa) 10.00 pagi	Malaysian Resources Corporation Berhad (EGM)	<p>Syarikat bercadang membentangkan resolusi berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Cadangan pelupusan oleh Puncak Wangi Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh MRCB, sebuah menara pejabat yang dikenali sebagai Menara CelcomDigi kepada Maybank Trustees Berhad, yang bertindak semata-mata dalam kapasiti sebagai pemegang amanah untuk Sentral REIT dengan pertimbangan tunai sebanyak RM450 juta. 2) Cadangan langganan oleh MRCB sehingga 34.57 juta unit baharu dalam Sentral REIT, selaras dengan cadangan pelaksanaan penempatan yang akan dilaksanakan oleh Sentral REIT.
25.10.23 (Rabu) 10.00 pagi	Glomac Berhad (AGM)	<p>Pada tahun kewangan 2023, Glomac melaporkan pendapatan Kumpulan sebanyak RM341.0 juta, mewakili pertumbuhan 31% berbanding RM259.5 juta yang diperoleh pada tahun kewangan sebelum ini.</p> <p>Pendapatan yang lebih kukuh sebahagian besarnya disokong oleh aktiviti pembinaan yang mantap daripada projek pembangunan yang sedang berjalan, merangkumi fasa semasa pembangunan perbandaran Saujana Perdana di Sungai Buloh serta Plaza@Kelana Jaya dan 121</p>

		Residences, dua pembangunan kediaman bertingkat tinggi Kumpulan dalam daerah Petaling Jaya - Damansara.
25.10.23 (Rabu) 10.00 pagi	Ajinomoto (M) Berhad (EGM)	<p>Syarikat bercadang untuk melupuskan enam bidang tanahnya yang terletak bersebelahan, dengan potensi pembangunan semula yang mana di atasnya didirikan pelbagai bangunan, lokasinya di Lot 5710, Jalan Kuchai Lama ('Cadangan Pelupusan').</p> <p>Cadangan Pelupusan ini membolehkan Syarikat mengumpulkan hasil sebanyak RM408.00 juta dan ia akan digunakan, antara lain, sebagai modal kerja, pembayaran balik pendahuluan dan pinjaman bank, serta pembayaran dividen khas. Syarikat akan memperoleh keuntungan pro forma bersih berjumlah kira-kira RM357.12 juta daripada Cadangan Pelupusan ini.</p>
26.10.23 (Khamis) 10.00 pagi	Hextar Global Berhad (EGM)	<p>Syarikat mencadangkan supaya anak syarikat 51% miliknya memperoleh keseluruhan kepentingan ekuiti dalam PHG Ever Fresh Food (M) Sdn. Bhd. ('PEFFM'), PHG Ever Fresh Food (TK) Sdn. Bhd. ('PEFFTK') dan PHG Wholesale & Retail Sdn. Bhd. ('PW&R') bersama-sama dengan 55% kepentingan ekuiti dalam PHG Ever Fresh Plantation Sdn. Bhd. ('PEFP') daripada Vendor pada harga RM84.00 juta. Cadangan pengambilalihan itu membolehkan Kumpulan menceburi industri durian.</p> <p>Kumpulan mengusulkan cadangan kepelbagaian ini kerana mereka menjangkakan perniagaan durian akan menyumbangkan 25% atau lebih daripada keuntungan bersih Kumpulan dan/ atau memperkenalkan kepelbagaian sebanyak 25% atau lebih dalam aset bersih Kumpulan pada masa hadapan.</p>
26.10.23 (Khamis) 10.00 pagi	TAS Offshore Berhad (AGM)	Kumpulan mencatatkan pendapatan yang lebih rendah sebanyak RM36.13 juta pada tahun kewangan 2023 dengan penurunan sebanyak 37.16% berbanding RM57.50 juta pada tahun

		<p>keuangan 2022. Pendapatan yang menyusut ini terutamanya disebabkan oleh penurunan dalam bilangan kapal yang dihantar pada tahun kewangan berakhir 2023.</p> <p>Bagaimanapun, prestasinya berjaya dipulihkan pada tahun kewangan 2023 dengan untung sebelum cukai sebanyak RM16.83 juta, berbanding kerugian RM0.81 juta pada tahun kewangan 2022. Ini disumbangkan oleh keuntungan daripada pertukaran asing dan keuntungan tidak berulang yang berpunca daripada penyahiktirafan sebuah anak syarikat.</p>
26.10.23 (Khamis) 10.00 pagi	Cypark Resources Berhad (AGM)	<p>Cypark membuat rosot nilai dan peruntukan secara besar-besaran berjumlah RM379 juta dalam tempoh kewangan 18 bulan berakhir 30 April 2023 (tempoh kewangan berakhir 2023), mengakibatkan kerugian bersih sebanyak RM265.34 juta. Rosot nilai sebesar itu belum pernah berlaku sejak penyenaiaannya pada tahun 2010. Sementara itu, pendapatan Cypark bagi tempoh 18 bulan tersebut berjumlah RM311.99 juta.</p>
26.10.23 (Khamis) 10.00 pagi	Vizione Holdings Berhad (AGM)	<p>Kumpulan mencatatkan kerugian bersih sebanyak RM94.6 juta dalam tempoh kewangan 18 bulan berakhir 31 Mei 2023, terutamanya disebabkan oleh rosot nilai ke atas muhibah dan penghutang, masing-masing berjumlah RM28.6 juta dan RM18.2 juta. Keputusan kewangannya juga dipengaruhi oleh kenaikan harga bahan mentah, kos buruh langsung dan perbelanjaan operasi.</p>
26.10.23 (Khamis) 03.00 petang	EcoFirst Consolidated Bhd (AGM)	<p>EcoFirst mencatatkan lonjakan dalam prestasi dengan mencatatkan keuntungan pada tahun kewangan 2023 dengan untung bersih sebanyak RM10.73 juta, berbanding kerugian bersih sebanyak RM12.20 juta pada tahun sebelumnya.</p> <p>Transformasi yang memberangsangkan ini sebahagian besarnya berpunca daripada ketiadaan peruntukan hutang ragu serta keuntungan nilai saksama daripada hartanah pelaburan,</p>

		walaupun sudah mengambil kira kenaikan dalam kos kewangan selepas tempoh moratorium.
27.10.23 (Jumaat) 09.30 pagi	Nylex (Malaysia) Berhad (AGM)	<p>Pada 21 Mac 2022, Syarikat telah menandatangani Perjanjian Utama (<i>Heads of Agreements</i>, HOA) dengan beberapa pihak untuk bekerjasama dalam projek sistem pengangkutan rel ringan dan pembangunan hartanah bersepadu di Johor Bahru. Projek itu bergantung kepada kajian kebolehlaksanaan yang sedang dijalankan serta kelulusan daripada kerajaan negeri Johor. Tarikh tamat tempoh HOA telah dilanjutkan kepada 21 Jun 2023 dan seterusnya kepada 31 Januari 2024. Sehingga tarikh Laporan Tahunan, perjanjian muktamad itu masih menunggu untuk dimuktamadkan.</p> <p>Projek ini adalah sebahagian daripada cadangan pelan penyusunan semula untuk menyelaraskan kembali status Nylex sebagai penerbit tersenarai yang terjejas.</p>
27.10.23 (Jumaat) 10.00 pagi	IOI Corporation Berhad (AGM)	<p>Pendapatan IOI menyusut sebanyak 26% tahun ke tahun kepada RM11.58 bilion (tahun kewangan 2022: RM15.58 bilion), manakala untung sebelum cukai (PBT) turun 35% kepada RM1.526 bilion berbanding RM2.35 bilion pada tahun kewangan sebelumnya.</p> <p>Jika dikecualikan item bukan operasi dan yang tidak berulang, PBT asas IOI ialah RM1.764 bilion, iaitu 31% lebih rendah daripada PBT asas pada tahun kewangan 2022 sebanyak RM2.547 bilion.</p> <p>Penurunan ini sebahagian besarnya berpunca daripada sumbangan yang lebih rendah daripada segmen perladangan, walaupun segmen pembuatan yang berasaskan sumber menyumbangkan hasil yang lebih tinggi. Namun begitu, Kumpulan tetap menjangkakan prestasi operasi dan kewangan yang memuaskan bagi tahun kewangan 2024.</p>

<p>27.10.23 (Jumaat) 10.00 pagi</p>	<p>Fibon Berhad (AGM)</p>	<p>Untung sebelum cukai Fibon melonjak 49.66% kepada RM6.55 juta pada tahun kewangan 2023 daripada RM4.38 juta pada tahun kewangan 2022.</p> <p>Justeru, untung bersihnya meningkat kepada RM4.88 juta daripada RM3.35 juta pada tahun kewangan berakhir 2022.</p> <p>Aktiviti operasi menunjukkan pemulihan yang ketara dalam tahun kewangan yang ditinjau, didorong oleh penyambungan semula projek-projek yang tertangguh akibat sekatan keluar masuk di peringkat global sebelum ini.</p>
<p>27.10.23 (Jumaat) 10.00 pagi</p>	<p>Pestech International Berhad (EGM)</p>	<p>Pestech bercadang untuk menerbitkan 800 juta saham, mewakili kira-kira 81.25% daripada jumlah saham terbitannya yang sedia ada, kepada IJM dengan harga terbitan 15.5 sen sesaham. Sebahagian besar hasilnya akan digunakan sebagai modal kerja dan pembayaran balik kemudahan kredit.</p> <p>Selepas selesai proses penerbitan saham, IJM akan muncul sebagai pemegang saham tunggal terbesar Pestech dengan pegangan saham kira-kira 44.83%. Memandangkan IJM tidak berhasrat untuk mengambil tawaran mandatori itu, IJM dan individu-individu yang bertindak bersama-samanya akan mendapatkan pengecualian daripada kewajipan untuk mengambil tawaran mandatori tersebut.</p>
<p>27.10.23 (Jumaat) 11.00 pagi</p>	<p>Ancom Logistics Berhad (AGM)</p>	<p>Kumpulan mencatatkan pendapatan yang lebih tinggi sebanyak RM30.6 juta pada tahun kewangan 2023 berbanding RM29.9 juta pada tahun lepas berikutan pendapatan yang lebih tinggi yang diterima daripada perniagaan ladang tangki kimianya, perniagaan trak Cogent, ladang tangki dan perniagaan terminal.</p> <p>Sementara itu, untung sebelum cukai (PBT) Kumpulan meningkat kepada RM1.2 juta daripada RM0.2 juta pada tahun lepas. Peningkatan yang ketara</p>

		dalam PBT disumbangkan oleh muktamadnya pembubaran Tamco Chongqing Switchgear Company Limited, syarikat bersekutu 49%, yang mana Kumpulan mengiktiraf keuntungan bersih sebanyak RM1.1 juta.
27.10.23 (Jumaat) 11.30 pagi	Pestech International Berhad (EGM)	<p>Pestech bercadang untuk menubuhkan Skim Opsyen Saham Pekerja (<i>Employees' Share Option Scheme, ESOS</i>) sehingga 5% daripada saham terbitan Syarikat (tidak termasuk saham perbendaharaan) untuk pengarah dan pekerja Kumpulan Pestech yang layak ('Cadangan ESOS')</p> <p>Pelaksanaan Cadangan ESOS ini bertujuan menyelaraskan kepentingan orang yang layak kepada matlamat korporat Kumpulan.</p>
27.10.23 (Jumaat) 03.00 petang	Ancom Nylex Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Kumpulan mencatatkan peningkatan yang kecil, daripada RM2.01 bilion pada tahun kewangan 2022 kepada RM2.04 bilion pada tahun kewangan 2023. Ia didorong oleh jualan yang lebih tinggi daripada bahagian kimia pertanian.</p> <p>Kumpulan melaporkan untung bersih yang lebih tinggi sebanyak RM75.1 juta berbanding RM68.2 juta pada tahun lepas. Ia disumbangkan oleh keputusan yang lebih baik daripada bahagian kimia pertanian, ditambah dengan perbelanjaan korporat yang lebih rendah serta kerugian yang lebih rendah daripada perniagaan bukan teras lain.</p>

Perkara penting untuk diketengahkan:	
Syarikat	Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan
ES Ceramics Technology Bhd (AGM)	<p>Penghutang perdagangan Kumpulan (selepas ditolak kerugian rosot nilai) berjumlah RM100.06 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Mei 2023, dengan peningkatan kira-kira RM82.04 juta atau 455.31% daripada penghutang perdagangan pada tahun kewangan sebelumnya sebanyak RM18.02 juta (Halaman 86, Laporan Tahunan 2023).</p> <p>a) Berapakah daripada jumlah penghutang perdagangan yang dinyatakan di atas berpunca daripada segmen bahan binaan?</p>

	<p>b) Secara purata, berapakah jumlah modal kerja yang diperlukan untuk operasi segmen bahan binaan setiap bulan?</p> <p>c) Berapakah daripada penghutang perdagangan yang berjumlah RM100.06 juta ini telah berjaya dikutip setakat ini?</p>
<p>Glomac Berhad (AGM)</p>	<p>1. Peningkatan kos pembinaan dan kekangan buruh mempengaruhi keuntungan Kumpulan. Perbelanjaan faedah juga lebih tinggi apabila kadar faedah domestik meningkat, selaras dengan usaha Bank Negara Malaysia (BNM) untuk mengekang tekanan inflasi. (Halaman 42, Laporan Tahunan)</p> <p>a) Apakah kesan situasi kekangan buruh terhadap margin untung kasar Kumpulan, dalam peratus, bagi tahun kewangan 2023 berbanding tahun kewangan 2022?</p> <p>b) Adakah situasi kekangan buruh ini telah diselesaikan dalam tahun kewangan semasa?</p> <p>c) Berapakah peningkatan kadar faedah, dalam peratus dan jumlah, ke atas pinjaman Kumpulan pada tahun kewangan 2023?</p> <p>2. Dalam maklumat segmen Kumpulan, segmen perniagaan Operasi Lain ('OP') melaporkan kerugian operasi yang jauh lebih tinggi iaitu sebanyak RM7.9 juta pada tahun kewangan 2023 berbanding kerugian operasi sebanyak RM1.6 juta pada tahun kewangan 2022. (Halaman 180 & 181, Laporan Tahunan)</p> <p>a) Apakah yang menyebabkan kerugian operasi yang lebih tinggi bagi segmen perniagaan OP pada tahun kewangan 2023?</p> <p>b) Apakah unit perniagaan dalam segmen perniagaan OP yang mencatatkan kerugian operasi yang lebih tinggi pada tahun kewangan 2023?</p> <p>c) Bagaimanakah prospek segmen perniagaan OP pada tahun kewangan 2024?</p>
<p>Ajinomoto (M) Berhad (EGM)</p>	<p>Syarikat berhasrat untuk menggunakan RM30.00 juta daripada hasil yang diperoleh daripada cadangan pelupusan untuk membayar balik pendahuluan daripada Aji Co. Jumlah tertunggak yang perlu dibayar kepada Aji Co sebanyak RM30.00 juta telah matang pada 5 Oktober 2023.</p> <p>a) Apakah yang menyebabkan kelewatan pembayaran balik pendahuluan tersebut?</p>

	<p>b) Sila berikan butiran terperinci tentang faedah terakru, dengan mengambil kira potensi kelewatan selanjutnya dalam pembayaran balik, memandangkan cadangan pelupusan itu hanya dijangka selesai pada akhir Mac 2024.</p> <p>c) Adakah Syarikat menyediakan apa-apa perancangan luar jangka sekiranya cadangan pelupusan itu tidak diteruskan seperti yang dirancang?</p>						
<p>Hextar Global Berhad (EGM)</p>	<p><i>"Cadangan Pengambilalihan itu menyediakan peluang bagi Kumpulan untuk menerokai segmen perniagaan baharu yang membolehkan Kumpulan mempelbagaikan dan menambah asas pendapatannya. Ini adalah selaras dengan objektif dan strategi Kumpulan Hextar untuk menyampaikan pertumbuhan yang mampan serta mencipta nilai untuk para pemegang saham Hextar."</i></p> <p>Apakah kelebihan daya saing yang dimiliki oleh syarikat yang diambil alih (secara kolektif dirujuk sebagai 'Kumpulan PHG') berbanding pesaingnya dalam perniagaan yang sama, yang mewajarkan Cadangan Pengambilalihan itu, yang seterusnya membolehkan Kumpulan Hextar menyampaikan pertumbuhan yang mampan kepada para pemegang sahamnya?</p>						
<p>TAS Offshore Berhad (AGM)</p>	<p>Kumpulan telah menandatangani perjanjian jual beli untuk memperoleh tiga bidang tanah bersebelahan limbungan kapalnya yang sedia ada untuk mengembangkan kapasiti operasi semasa Kumpulan. Berapakah jumlah kapasiti tambahan yang akan ditambah kepada kapasiti sedia ada? Berapa peratuskah daripada kapasiti tambahan ini dijangka akan digunakan pada tahun kewangan 2024?</p>						
<p>Cypark Resources Berhad (AGM)</p>	<p>Cypark mengalami kerugian dalam tempoh kewangan 18 bulan berakhir 30 April 2023 (tahun kewangan berakhir 2023) dengan rugi bersih berjumlah RM265.34 juta. Ini disebabkan oleh rosot nilai dan peruntukan secara besar-besaran berjumlah RM379 juta. Rosot nilai sebesar itu belum pernah berlaku sejak penyenaiaannya pada tahun 2010. Sementara itu, pendapatan Cypark bagi 18 bulan itu berjumlah RM311.99 juta.</p> <p>Sebagai perbandingan, Syarikat memperoleh pendapatan berjumlah RM315.32 juta dan untung bersih sebanyak RM75.25 juta pada tahun kewangan 2021 (Halaman 20, Laporan Tahunan 2023).</p> <p>Pecahan rosot nilai dan peruntukan yang besar adalah seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="598 1859 1377 2027"> <thead> <tr> <th data-bbox="598 1859 1112 1960"></th> <th data-bbox="1112 1859 1377 1960">Tempoh kewangan berakhir 2023</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="598 1960 1112 1995">Kerugian rosot nilai ke atas:</td> <td data-bbox="1112 1960 1377 1995">(RM'000)</td> </tr> <tr> <td data-bbox="598 1995 1112 2027">- Aset kontrak</td> <td data-bbox="1112 1995 1377 2027">100,184</td> </tr> </tbody> </table>		Tempoh kewangan berakhir 2023	Kerugian rosot nilai ke atas:	(RM'000)	- Aset kontrak	100,184
	Tempoh kewangan berakhir 2023						
Kerugian rosot nilai ke atas:	(RM'000)						
- Aset kontrak	100,184						

- Penghutang perdagangan dan penghutang lain	6,269
- Aset tidak ketara yang diiktiraf menurut IC 12	39,000
- Perbelanjaan pembangunan	17,119
- Loji dan peralatan	21,139
Peruntukan untuk Ganti rugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD)	91,439
Kos pelanjutan	104,485

Sumber: Halaman 155, 156, dan 173, Laporan Tahunan 2023

a) Cypark membuat peruntukan kerugian rosot nilai ke atas aset kontrak berjumlah RM100.18 juta dalam tempoh kewangan berakhir 2023.

i. Bahagian manakah yang dikaitkan dengan rosot nilai ini ? Contohnya, tenaga boleh diperbaharui (*renewable energy, RE*), pembinaan dan kejuruteraan, teknologi hijau dan perkhidmatan alam sekitar, pengurusan sisa dan sisa kepada tenaga (*waste to energy, WTE*).

ii. Termasuk dalam kerugian rosot nilai ke atas aset kontrak ialah rosot nilai penuh sebanyak RM30 juta untuk kerja-kerja yang telah dijalankan tetapi belum dibilkan kepada pelanggan (yang berkaitan projek pembangunan hartanah). Ini adalah disebabkan oleh situasi yang tidak dijangka pada tahun kewangan sebelumnya yang menyebabkan tertanggungnya proses rundingan kontrak dengan pelanggan, justeru melewati kelulusan yang berkaitan daripada pihak berkuasa. (Halaman 156, Laporan Tahunan 2023).

Adakah Cypark melaksanakan kerja-kerja untuk pelanggannya sebelum menandatangani kontrak rasmi dengan pelanggan tersebut? Jika ya, mengapakah Syarikat berbuat demikian? Apakah keadaan yang tidak dijangka yang menyebabkan kelewatan itu dan apakah kebarangkalian isu ini dapat diselesaikan secepat mungkin?

b) Rosot nilai ke atas aset tidak ketara yang berjumlah RM39 juta adalah berkaitan dengan semakan bayaran tip (*tipping fee*) untuk loji sisa kepada tenaganya di Ladang Tanah Merah (LTM), Negeri Sembilan, yang kini sedang dalam pemerhatian Kerajaan.

Apakah perkembangan proses semakan dan rundingan dengan Kerajaan? Apakah kuantum semakan yang dicadangkan oleh Cypark berbanding bayaran sedia ada?

c) Syarikat juga membuat rosot nilai ke atas perbelanjaan pembangunan sebanyak RM17.12 juta kerana mereka percaya bahawa mereka tidak akan mendapat balik

	<p>perbelanjaan yang telah dibelanjakan untuk membangunkan produk baharu dan yang dipertingkatkan untuk industri tenaga boleh diperbaharui, meskipun terdapat jangkaan awal untuk mengkomersialkannya.</p> <p>Apakah produk atau teknologi yang dimaksudkan itu? Adakah produk atau teknologi itu sedang digunakan dalam aktiviti perniagaan Cypark? Apakah yang menyebabkan produk/ teknologi itu tidak boleh dipasarkan dan mempunyai nilai komersial yang rendah?</p> <p>d) Ganti rugi tertentu dan ditetapkan (<i>liquidated and ascertained damages</i>, LAD) adalah berkaitan projek solar berskala besar 3 (<i>large scale solar 3</i>, LSS3) di Merchang, Terengganu, selepas berlaku kelewatan berulang kali dalam menyiapkan projek itu. Projek itu dijangka siap pada penghujung tahun 2023.</p> <p>Bagaimanakah kemajuan projek setakat ini dan adakah garis masa yang dinyatakan di atas mampu dicapai?</p> <p>Apakah usaha/ rundingan yang dijalankan oleh Syarikat untuk mendapatkan amaun LAD yang lebih rendah daripada pihak yang terlibat?</p> <p>e) Sila jelaskan andaian dan panduan pengurusan yang digunakan untuk membuat rosot nilai berjumlah RM104.48 juta yang dikategorikan di bawah 'Kos pelanjutan'.</p> <p>f) Aset tidak ketara dan aset kontrak secara kolektif membentuk 63.42% daripada jumlah aset Cypark yang bernilai RM2.715 bilion pada 31 Julai 2023.</p> <p>Apakah kebarangkalian berlakunya pertambahan rosot nilai, pembalikan atau kebolehpulihan, jika berkenaan, pada tahun kewangan 2024?</p> <p>g) Apakah pengajaran berharga yang diperoleh Cypark daripada pelaksanaan rosot nilai secara besar-besaran ini? Jika difikirkan semula, adakah rosot nilai besar-besaran ini berpunca daripada kesilapan Lembaga Pengarah dan Pengurusan terdahulu sewaktu membuat keputusan? Apakah kelemahan yang dikenal pasti daripada peristiwa ini? Apakah langkah yang diambil untuk menambah baik prosedur kawalan dalaman bagi meningkatkan keselamatan aset Syarikat pada masa hadapan?</p>
Vizione Holdings Berhad (AGM)	<p>Kerugian rosot nilai yang ketara telah dibuat untuk penghutang perdagangan berjumlah RM14.63 juta pada tempoh kewangan berakhir 2023 (Tahun kewangan sebelumnya: RM1.4 juta) (Halaman 79, Laporan Tahunan 2023).</p>

	<p>a) Apakah yang menyebabkan lonjakan ketara dalam rosot nilai?</p> <p>b) Penghutang perdagangan manakah yang terlibat dalam pelaksanaan rosot nilai ini?</p> <p>c) Apakah langkah yang diambil untuk mendapatkan semula jumlah tersebut?</p> <p>d) Berapakah jumlah yang telah berjaya dikutip setakat ini? Berapakah jangkaan jumlah yang akan dikutip pada tahun kewangan 2024?</p> <p>e) Melihat lonjakan yang ketara dalam tahap rosot nilai, adakah terdapat keperluan untuk mengkaji semula dasar kredit Kumpulan?</p>
EcoFirst Consolidated Bhd (AGM)	<p>Kumpulan telah memasuk kira semula elaun untuk jangkaan kerugian kredit yang tidak diperlukan lagi sebanyak RM14.72 juta pada tahun kewangan 2023. Amaun ini tiada pada tahun kewangan 2022. (Halaman 87, Laporan Tahunan)</p> <p>a) Mengapakah elaun untuk jangkaan kerugian kredit tidak diperlukan lagi pada tahun kewangan 2023?</p> <p>b) Sila berikan pecahan elaun untuk jangkaan kerugian kredit yang tidak diperlukan lagi, mengikut kategori penghutang perdagangan dan penghutang lain.</p>
Nylex (Malaysia) Berhad (AGM)	<p>Pada 21 Mac 2022, Syarikat telah menandatangani perjanjian utama (<i>Heads of Agreement, HOA</i>) dengan Sinar Bina Infra Sdn Bhd, LBS Bina Group Berhad, BTS Group Holdings Public Company Limited dan ANB (secara kolektif dirujuk sebagai 'Pihak-pihak'). Pada 22 Mac 2023, Pihak-pihak bersetuju untuk melanjutkan tarikh tamat tempoh (<i>long stop date</i>) HOA selama tiga (3) bulan iaitu kepada 21 Jun 2023. Pada 21 Jun 2023, Pihak-pihak telah bersetuju untuk melanjutkan lagi tarikh tamat tempoh HOA kepada 31 Januari 2024 .</p> <p>Pada tarikh Laporan Tahunan, terma-terma perjanjian muktamad untuk melaksanakan cadangan yang ditetapkan dalam HOA masih belum dimuktamadkan.</p> <p>a) Melihat tarikh tamat tempoh yang dilanjutkan berulang kali, adakah Syarikat meramalkan ia akan dilanjutkan lagi?</p> <p>b) Apakah perancangan luar jangka sekiranya HOA tidak menjadi seperti yang dirancang?</p>
IOI Corporation Berhad (AGM)	<p>Kumpulan telah memulakan Rancangan Lima Tahun pada Mac 2020 dan kini berada dalam tahun keempat. Keutamaan pertama ialah meningkatkan hasil minyak daripada bahagian perladangan sekurang-kurangnya 15% menjelang akhir 2024 (Halaman 20, Laporan Tahunan 2023). Kekurangan buruh juga menyebabkan kelewatan dalam aktiviti pembajaan,</p>

	<p>pengilangan dan pengangkutan. Ini menjejaskan pengeluaran minyak sawit mentah Kumpulan yang membawa kepada hasil minyak yang lebih rendah (Halaman 65, Laporan Tahunan 2023).</p> <p>Dengan kelewatan proses pembajaan serta potensi kesan fenomena El Niño terhadap ladang Kumpulan, adakah sasaran untuk meningkatkan hasil minyak daripada bahagian perladangan sekurang-kurangnya 15% menjelang akhir tahun 2024 ini masih boleh dicapai?</p>
Fibon Berhad (AGM)	<p>Syarikat terus fokus terhadap menambah baik pasukan penyelidikan dan pembangunan dalam membangunkan produk dan penyelesaian baharu untuk disesuaikan dengan teknologi dan infrastruktur terkini demi mencapai masa depan yang mampan (Halaman 7, Laporan Tahunan 2022 dan 2023).</p> <p>a) Sila berikan contoh produk atau penyelesaian khusus yang dibangunkan pada tahun kewangan berakhir 31 Mei 2023.</p> <p>b) Bagaimanakah inisiatif ini menyumbang kepada kelebihan daya saing Syarikat?</p>
Pestech International Berhad (EGM)	<p>Harga langganan iaitu RM0.155 mewakili diskaun sehingga 49.0% daripada harga pasaran saham Pestech yang dikira secara purata wajaran berdasarkan jumlah dagangan (<i>volume weighted average market price, VWAMP</i>) bagi lima hari, sebulan, tiga bulan, enam bulan dan dua belas bulan sehingga 21 Julai 2023, iaitu hari dagangan penuh terakhir saham Pestech sebelum tarikh pelaksanaan perjanjian langganan.</p> <p>Diskaun yang besar itu menawarkan peluang kepada IJM untuk memanfaatkan kelebihan harga, yang berpotensi menghasilkan keuntungan apabila saham tersebut dijual dalam pasaran. Kebarangkalian terhasilnya keputusan itu boleh menghalang realisasi manfaat yang dijangkakan daripada kerjasama antara pihak yang berkaitan.</p> <p>Apakah langkah yang diambil untuk melindungi kepentingan Pestech dan pemegang sahamnya yang sedia ada?</p>
Ancom Logistics Berhad (AGM)	<p>Kumpulan telah menambah kapasiti sebanyak 10,000 meter padu (<i>cubic meter, cbm</i>) kepada ladang tangkinya dan kapasiti tambahan itu disasarkan untuk siap beroperasi menjelang Jun 2024.</p> <p>a) Berapakah kapasiti ladang tangki yang sedia ada?</p> <p>b) Adakah kadar penggunaan untuk ladang tangki yang sedia ada pada tahun kewangan 2023?</p> <p>c) Adakah Kumpulan telah mendapatkan pelanggan yang bakal menyewa penstoran tambahan sebanyak 10,000 meter padu ini?</p>

Ancom Nylex Berhad (AGM)	<p>Merujuk jawapan kepada soalan no. 4 yang dibangkitkan oleh MSWG pada AGM Kumpulan ke-53 tahun lepas, Lembaga Pengarah menyatakan bahawa Kumpulan kekal fokus untuk mengurangkan hutangnya di peringkat syarikat dan menambah bahawa Kumpulan menasaskan penjimatan wang tunai dan meningkatkan hutang untuk meraih peluang pertumbuhan.</p> <p>Memandangkan Kumpulan berada dalam kedudukan pengedaran bersih sebanyak 0.44x pada 31 Mei 2023 dan tidak mempunyai lebih tunai, mengapakah syarikat mahu mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk cadangan pembaharuan kuasa bagi mandat pembelian balik saham dalam AGM ini? Bukankah syarikat sepatutnya mengutamakan pembayaran dividen yang lebih tinggi serta pelaburan semula berbanding pembelian balik saham?</p>
--------------------------	---

PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, (devanesan@mswg.org.my)
Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, (rita.foo@mswg.org.my)
Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, (norhisam@mswg.org.my)
Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, (chee.meng@mswg.org.my)
Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, (elaine.choo@mswg.org.my)
Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, (cianyai@mswg.org.my)
Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, (ooi.benghooi@mswg.org.my)
Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, (jackson@mswg.org.my)
Nur Amirah Amirudin, Pengurus, Pemantauan Korporat, (nuramirah@mswg.org.my)
Yan Lai Kuan, Pengurus, Pemantauan Korporat, (yan.laikuan@mswg.org.my)
Lam Jun Ket, Pengurus, Pemantauan Korporat, (lam.junket@mswg.org.my)

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

• Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jempunan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.